

Speech By : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Title : MAJLIS PERASMIAN PELANCARAN PERGERAKAN IBUBAPA DALAM PENCEGAHAN DADAH  
Location : HOTEL PRINCE, KUALA LUMPUR  
Date : 09-07-1986

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Yang Berbahagia Pengerusi Majlis;

Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmat dan hidayahNya, dapat kita bersama-sama di Majlis ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID) kerana menjemput saya menyampaikan ucapan di Bengkel ini dan seterusnya merasmikan pelancaran 'Pergerakan Ibumama Dalam Pencegahan Dadah'.

2. Saya difahamkan Bengkel ini ialah tindakan susulan Persidangan Penglibatan Ibumama Dalam Pencegahan Dadah anjuran Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri (BAKTI), yang telah berlangsung pada bulan Oktober 1985 yang lalu. Yang menarik perhatian saya mengenai Bengkel ini ialah objektif utamanya, iaitu ia bertujuan merumuskan strategi bagi menyediakan satu rancangan bertindak yang realistik yang dapat dilaksanakan secara lebih berkesan dalam usaha-usaha kita mempertingkatkan pencegahan penyalah-gunaan dadah di negara ini. Strategi yang akan dirumuskan ini sesuai dengan keputusan yang dipersetujui dalam persidangan anjuran BAKTI itu, iaitu melibatkan anggota masyarakat, khususnya ibumama dalam usaha pencegahan dadah di dalam keluarga dan seterusnya di dalam masyarakat setempat melalui pertubuhan-pertubuhan sukarela dan badan-badan sosial.

3. Seperkara lagi yang menarik mengenai Bengkel ini ialah, jelas kelihatan para peserta Bengkel ini terdiri daripada perwakilan dari semua negeri di Malaysia yang telahpun menghadiri Persidangan Penglibatan Ibumama Dalam Pencegahan Dadah anjuran BAKTI itu. Ini adalah satu langkah yang bijak yang diambil oleh penganjur Bengkel oleh kerana ianya bererti para perwakilan bengkel telahpun didedahkan kepada masalah-masalah dadah dan isu-isu pencegahan terlebih dahulu, semasa menghadiri persidangan anjuran BAKTI itu. Justeru itu terdapat usaha-usaha yang berterusan dalam pemahaman dan perspektif para perwakilan apabila membincangkan rumusan-rumusan dan cadangan tindakan yang akan diambil hasil daripada Bengkel ini nanti. Pengetahuan asas telahpun diperolehi oleh para perwakilan Bengkel dan masa telah dapat dijimatkan kerana Bengkel ini dapat memulakan perbincangan di tahap yang lebih tinggi iaitu perbincangan isu-isu penting, penyusunan strategi dan perencanaan satu rancangan bertindak bagi Pergerakan Ibumama Dalam Pencegahan Dadah. Ini adalah amat mustahak kerana kita tidak dapat lagi bertanggung-tanggung dan melengah-lengahkan masa. Kita semua perlu bertindak dengan segera untuk mengelakkan lebih ramai lagi golongan muda di negara kita ini daripada terlibat dengan penyalah-gunaan dadah.

Para hadirin sekalian,

4. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah tegas untuk mengawal masalah ini daripada segi penggubalan perundangan dan penguat-kuasaan undang-undang, rawatan dan pemulihan.

Strategi-strategi menyekat kemasukan dadah ke negara ini telah menghasilkan peningkatan bilangan tangkapan para pengedar dan banyaknya dadah yang dirampas. Kejayaan ini ketara sekali kerana buat pertama kalinya, iaitu mulai tahun 1984, bilangan penagih dadah telah berkurangan.

5. Benar, usaha-usaha Kerajaan tidak dapat mencapai matlamat membanteras dadah sekiranya

masyarakat tidak bersama membantu. Oleh itu Kerajaan telah juga menggalakkan penyertaan masyarakat melalui pertubuhan-pertubuhan sukarela. Sebagai menyokong usaha Kerajaan memerangi wabak dadah, dalam tahun 70-an lagi, beberapa pertubuhan sukarela telah diwujudkan untuk maksud pemulihan dan pencegahan. Kebelakangan ini, terdapat pula badan-badan sosial termasuk pertubuhan-pertubuhan wanita, kebajikan, keagamaan, profesional, kelab-kelab belia, kelab-kelab perkhidmatan dan sebagainya telah mengadakan berbagai forum untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang ancaman wabak dadah serta mengenal-pasti peranan mereka masing-masing dalam membanteras penyalah-gunaan dadah ini.

6. Kita semua tahu bahawa keluarga merupakan unit asas masyarakat yang mempunyai pengaruh paling kuat sekali terhadap pembentukan sikap dan penerapan nilai-nilai hidup sosio-budaya anggota masyarakatnya. Keluarga yang stabil akan menghasilkan anak-anak yang bersikap positif dan mempunyai nilai-nilai yang murni. Jika sebaliknya yang berlaku, maka ahli-ahli keluarga itu akan lemah dan mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir buruk, termasuklah gejala dadah. Pendek kata, penyalah-gunaan dadah dengan senang boleh berpunca daripada keadaan keluarga yang tidak tenteram dan damai. Keadaan keluarga yang porak peranda dan kucar-kacir menjadi latarbelakang yang paling sesuai atau 'conducive' bagi anggota-anggota keluarga itu berpaling kepada dadah sebagai satu jalan keluar daripada tekanan dan kerunsingan hidup yang tidak tenteram. Malangnya, jalan keluar yang dipilih ini hanya mengakibatkan terjerumusnya mereka ke dalam perangkap yang lebih merbahaya yang boleh membawa kepada maut, malahan boleh meruntuhkan sesebuah negara.

7. Menyedari hakikat bahawa keluarga adalah asas yang paling penting bagi pembentukan dan pembangunan individu yang sihat dan berjaya dan memandangkan kepada kesan-kesan buruk akibat daripada penggunaan dadah yang boleh menjejaskan kestabilan keluarga, kemakmuran dan keselamatan negara, maka BAKTI telah mengorak langkah menganjurkan Persidangan Kebangsaan Penglibatan Ibumama Dalam Pencegahan Dadah, pada bulan Oktober, 1985. Tujuan utamanya ialah untuk memberi kesedaran kepada para ibumama terhadap tanggungjawab mereka dan mengenal-pasti peranan mereka di dalam keluarga dan masyarakat serta menyedari peri pentingnya mereka mengembling tenaga untuk menggerakkan dan mempertingkatkan usaha dalam pencegahan dadah, sebagai ibumama, pekerja dan anggota masyarakat setempat.

8. Sehubungan dengan ini, saya berasa besar hati kerana tindakan susulan telahpun diambil oleh beberapa badan yang telah mengadakan forum masing-masing setelah menghadiri Persidangan anjuran BAKTI itu. Kesemuanya, bertujuan mengenal-pasti peranan, serta menyusun strategi untuk rancangan bertindak pertubuhan masing-masing bagi memerangi wabak dadah. Misalnya, baru-baru ini Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan (MKSAK) dan Persatuan Suri dan Anggota Wanita dalam Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) telah menganjurkan bersama 'Bengkel Penglibatan Anggota Perkhidmatan Awam dan Keluarga Dalam Pencegahan Dadah'.

Menyedari bahawa bilangan pegawai dan kakitangan Kerajaan dalam Perkhidmatan Awam berjumlah lebih daripada 800,000 orang di seluruh pelusuk negara, bermaknalah yang ia akan menggerakkan sekumpulan tenaga yang tersusun, berpotensi dan berkeupayaan.

Para hadirin sekalian,

9. Tiada dadah, tiada penagih, tiada pengedar, tiada dadah. In this evil vicious cycle where supply and demand depends upon each other, we as parents have so far planned actions to prevent our young people from getting to dadah but, we have not, as a group or organisation, expressed our feelings regarding the Drug Laws of our country nor against the many drug traffickers and carriers. Yes, we are not expected to perform the duties of the relevant authorities to control and convict drug traffickers but not to express anything in support of our Government's laws is a disappointment. Therefore, I would like to express my own personal feelings, which may be also the same feelings of more than 110,000 parents of drug addicts and of the silent majority.

10. Saya ingin menyentuh sedikit mengenai Undang-Undang Dadah Merbahaya 1952 Section 39B yang menjatuhkan hukuman mandatori kepada pengedar dadah. Undang-undang ini yang digubal pada tahun

1952 telah dipinda sebanyak 8 kali supaya dapat menguatkan lagi tindakan Kerajaan terhadap pengedar-pengedar dadah. Kerajaan tidak menggubal undang-undang tanpa mengira sebab-sebab ianya diadakan, reaksi daripada rakyat dan kesan keseluruhannya.

11. Negara kita juga mempunyai peraturan-peraturan percabangan yang tertentu dan sistem ini diikuti dengan teliti sebelum sesiapa -- orang tempatan atau asing -- dituduh salah dan dihukum. Apatah lagi bagi seorang yang disyaki pengedar dadah yang akan menerima hukuman mati mandatori di bawah Section 39B.

12. Saya amat berasa kecewa dan sedih kenapa segolongan orang tidak mahu memahami usaha Kerajaan ini malahan mengkritik Kerajaan dan sistem kehakiman di negara kita.

13. Sebagai seorang isteri dan ibu yang mempunyai anak-anak dewasa dan kecil, saya sentiasa berasa risau manakala memikirkan masa depan anak cucu-cicit kita kelak. Syukur Alhamdulillah, saya tidak mempunyai masalah dadah di dalam keluarga dan semoga dijauhi Allah masalah ini sentiasa.

Tetapi tidak semestinya saya tidak merasa risau, kerana banyak ibubapa lain yang mempunyai masalah dadah dalam keluarga mereka. Mrs. Nancy Reagan dan saya pernah bertanya sesama sendiri: 'Tidakkah pengedar-pengedar dadah mempunyai anak dan keluarga sendiri?' Adakah pengkritik-pengkritik biasa bertemu dan duduk dengan ibubapa, isteri, abang dan adik penagih-penagih dadah dan mendengar cerita tragedi mereka? Saya mengetahui satu keluarga yang mempunyai seorang anak lelaki sahaja dan ianya terceburlah dalam dadah selama tujuh tahun. Ia dirawati dan dipulih semula di beberapa pusat pemulihan tetapi, sungguhpun tujuh tahun lamanya ia tidak menggunakan dadah, otaknya telah rosak, sebagai orang yang tidak siaman.

Adakah keadaan seperti ini kita biarkan menyeluruh kepada muda-mudi kita dalam negara? Kita dengan kata-kata seperti jangan tangkap pengedar, jangan hukum, 'human rights', perikemanusiaan, orang asing, orang tak asing -- seribu jenis alasan akan dicari oleh pengkritik-pengkritik bagi mempertahankan pengedar-pengedar yang bermaksud tidak lain daripada menyebarkan evil and destruction kepada manusia kerana tamak wang ringgit dan ingin cepat kaya.

Para hadirin sekalian,

14. Sebagai ibubapa yang ingin melihat negara kita dan dunia ini aman dan bebas daripada ancaman seperti penyalah-gunaan dadah yang boleh merosakkan masa depan zuriat kita, termasuklah dadah, kita perlu menyuarakan sokongan kita terhadap usaha-usaha Kerajaan kita dan mengemukakan pengkritik-pengkritik yang sengaja memburukkan Kerajaan dan sistem kehakiman kita. Kita sebagai ibubapa bersimpati dengan ibubapa pengedar-pengedar dadah yang dihukum. Tetapi "we do not and must never condone the actions of their sons and daughters who intentionally defied our laws at the risk of their own young lives to spread evil and destruction. That is the definition of dadah -- evil and destruction of innocent minds".

15. Semenjak hari Isnin, Bengkel ini pula telah membincangkan secara mendalam empat kertas kerja yang mempunyai kaitan rapat dengan tujuan melibatkan sepenuhnya ibubapa dalam usaha pencegahan dadah. Hasil daripada perbincangan terhadap ke empat-empat kertas kerja ini, Bengkel ini telah melahirkan pendapat-pendapat yang mana umumnya adalah seperti berikut: i. Satu rancangan kegiatan yang melibatkan ibubapa perlu diwujudkan bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti yang boleh disertai oleh kumpulan ibubapa dan anak-anak mereka. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah aktiviti-aktiviti yang boleh merapatkan hubungan dan menjalin kemesraan di kalangan ahli-ahlinya membimbing anak-anak supaya mempunyai akhlak yang mulia dan sama-sama membina keluarga bahagia dan mewujudkan serta memupuk semangat kejiranan bagi masyarakat setempat.

Saya difahamkan bagi melaksanakan rumusan-rumusan ini, para peserta Bengkel telah merangka peraturan atau panduan aktiviti yang boleh dilaksanakan oleh ibubapa dalam keluarga sendiri serta di kalangan keluarga yang berjiran bagi mengelakkan anak-anak mereka daripada bahaya dadah.

ii. Bengkel merumuskan tentang perlunya diwujudkan jenis-jenis aktiviti yang boleh dijalankan bagi menentukan ketahanan negara melalui generasi muda yang sihat dan bebas daripada dadah. Bagi rumusan ini juga, telah diperbincangkan peraturan atau panduan aktiviti bagi mengisi masa lapang remaja atau belia dengan aktiviti yang sihat dan pembentukan budi pekerti yang positif dan mulia sebagai persediaan meningkat remaja.

iii. Para peserta Bengkel merumuskan juga betapa perlunya diwujudkan beberapa aktiviti yang boleh dilaksanakan oleh ibubapa melalui pertubuhan sukarela bagi menyokong Kerajaan dalam rancangan pencegahan dadah di negara ini. Adalah disarankan aktiviti ini dilakukan dengan mengadakan program tambahan atau dengan menyisip aktiviti yang boleh meningkatkan mutu hidup keluarga, memberi pendidikan keibubapaan dan membantu keluarga yang mempunyai masalah.

iv. Adalah dicadangkan supaya dirancang beberapa aktiviti yang boleh dilaksanakan bersama oleh ibubapa, guru dan pelajar di sekolah. Rumusan ini bertujuan merapatkan ibubapa dengan sekolah, meningkatkan kefahaman mengenai masalah remaja, bahaya dadah, serta mengadakan kemudahan dan aktiviti untuk mengisi masa lapang pelajar dengan berfaedah.

16. Keempat-empat rumusan ini secara umumnya akan merupakan garis panduan kepada rancangan bertindak yang akan tuan-tuan dan puan-puan laksanakan melalui rancangan Pergerakan Ibubapa Dalam Pencegahan Dadah di tempat masing-masing.

Jika diteliti, rumusan- rumusan ini merangkumi empat kumpulan sasaran. Ianya ialah kalangan keluarga sendiri dan jiran tetangga, kumpulan remaja dan belia yang boleh dijalankan melalui pertubuhan-pertubuhan mereka, kalangan ibubapa dan masyarakat umum melalui apa juga jenis pertubuhan-pertubuhan sukarela dan di kalangan ibubapa -- guru dan golongan pelajar dengan pendekatan sekolah sebagai institusi masyarakat.

17. Berkaitan dengan rumusan Bengkel yang telah menghasilkan satu Rancangan Bertindak bagi pencegahan dadah, sukacita saya melihat iaitu kesedaran melibatkan ibubapa dengan sepenuhnya dalam bidang ini telah merebak ke negara-negara ASEAN. Ini amatlah wajar, memandangkan masalah dadah di negara-negara yang lain dalam ASEAN juga melibatkan generasi muda. Saya berasa bangga iaitu menerusi dayausaha Malaysia, Rancangan Wanita ASEAN atau The ASEAN Women's Programme di Mesyuarat Kelimanya telah membuat keputusan mengadakan satu bengkel. Matlamatnya yang agak sama dengan matlamat Bengkel ini ialah untuk menyediakan bagi negara-negara ASEAN satu rancangan bertindak yang akan melibatkan ibubapa dalam usaha pencegahan dadah. Tindakan NACIWID menganjurkan Bengkel ini bolehlah dianggapkan sebagai satu langkah pra-bengkel Rancangan Wanita ASEAN.

Para hadirin sekalian,

18. Sayugia dinyatakan di sini iaitu di mana negara juapun, wanita mempunyai peranan penting dalam usaha pencegahan dadah. Sebagai ibu, merekalah yang paling hampir sekali dan memahami segala tindak-tanduk keluarganya. Dengan itu, mereka dapat membentuk peribadi anak-anak mereka supaya berkeupayaan menerima dengan senang pengaruh yang baik dan menahan diri dengan tegas daripada anasir-anasir buruk.

19. Sebagai pekerja sukarela, wanita boleh bertindak sebagai pendorong untuk menggerakkan ibubapa dalam usaha pencegahan. Kita amat bertuah kerana pertubuhan- pertubuhan wanita di negara-negara ASEAN mempunyai satu struktur organisasi yang tersusun dan berkeupayaan memula serta meneruskan pelaksanaan kegiatan-kegiatan pencegahan dadah. Saya menghargai usaha Rancangan Wanita ASEAN itu dan benar-benar berharap Bengkel yang akan dianjurkan oleh Malaysia akhir tahun ini akan menghasilkan pengwujudan pergerakan ibubapa di tiap-tiap negara ahli. Seterusnya, ia akan membentuk satu jalinan 'ASEAN Network of Parents' Movements'.

20. Bagi mengakhiri ucapan saya ini, saya mengambil kesempatan untuk merakamkan terima kasih dan penghargaan saya juga bagi pihak penganjur, kepada tiap-tiap seorang yang telah dengan sukarela

melibatkan diri sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Bengkel ini.

Kepada pihak penganjur iaitu Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID) sekali lagi saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah atas usaha murni dan langkah yang diambil bagi mengadakan Bengkel ini.

21. Sebagai langkah susulan daripada usaha yang baik ini, saya menyeru agar setiap perwakilan dan anggota masyarakat, yang mengikuti liputan persidangan Bengkel ini, agar sama-sama berusaha menjayakan apa juga yang disarankan sebagai rancangan bertindak hasil daripada rumusan bengkel ini yang dapat kita jayakan bersama demi memastikan pembendungan wabak dadah di negara kita. Seruan ini saya tujukan terutamanya kepada setiap pertubuhan wanita, persatuan ibubapa dan guru, semua persatuan-persatuan sukarela tidak kira kecil mahupun yang besar.

22. Segala apa juga usaha dan pengorbanan yang tuan-tuan dan puan-puan lakukan ini akan menentukan kejayaan kita dan penerusan bangsa dan negara yang maju, sihat dan bermaruah tinggi. Allah telah berfirman dalam Surah An-Nahl ayat 97 yang bermaksud, "Sesiapa yang beramal salih, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih baik dari apa yang mereka telah kerjakan".

23. Akhir kata, saya berdoa agar Allah Subhanahu Wataala akan memberikan petunjuk dan hidayahNya kepada kita semua bagi menjayakan segala apa juga tindakan dan usaha Pergerakan Ibubapa ini demi masa depan yang terjamin bagi generasi kita yang akan datang.

24. Saya dengan amat sukacita dan bangganya dan dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Mengasihani, merasmikan 'Pelancaran Pergerakan Ibubapa Dalam Pencegahan Dadah'.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.